



26 Disember 2018
26 December 2018
P.U. (A) 332

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PENGGALAKAN PELABURAN
(PENDAPATAN YANG TIDAK DIAMBIL KIRA BAGI
SYARIKAT BERSTATUS MSC) 2018

*PROMOTION OF INVESTMENTS (EXCLUSION OF INCOME
FOR MSC STATUS COMPANY) REGULATIONS 2018*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGGALAKAN PELABURAN 1986

PERATURAN-PERATURAN PENGGALAKAN PELABURAN (PENDAPATAN YANG TIDAK
DIAMBIL KIRA BAGI SYARIKAT BERSTATUS MSC) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 43(a) Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Penggalakan Pelaburan (Pendapatan yang Tidak Diambil Kira bagi Syarikat Berstatus MSC) 2018**.

(2) Perenggan 3(1)(a) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2018.

Pemakaian

2. (1) Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi syarikat berstatus MSC yang telah diberikan taraf perintis di bawah Akta pada atau sebelum 30 Jun 2018.

(2) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, suatu “syarikat berstatus MSC” ertinya syarikat yang telah dianugerahkan, tertakluk kepada syarat-syarat penganugerahan itu, status Koridor Raya Multimedia oleh Kerajaan Malaysia.

Pendapatan harta intelek yang tidak diambil kira

3. (1) Dalam menentukan pendapatan suatu syarikat berstatus MSC bagi maksud pelepasan cukai pendapatan—

(a) bagi tempoh pada atau selepas 1 Julai 2018 tetapi sebelum 1 Julai 2021, royalti dan pendapatan lain yang diperoleh daripada hak harta intelek yang baharu, tetapi bukan daripada hak harta intelek sedia ada, yang syarikat berstatus MSC itu ialah pemilik atau pemegang lesen hak itu, tidak diambil kira; dan

- (b) bagi tempoh pada atau selepas 1 Julai 2021, royalti dan pendapatan lain yang diperoleh daripada semua hak harta intelek yang syarikat berstatus MSC itu ialah pemilik atau pemegang lesen hak itu tidak diambil kira.
- (2) Bagi maksud subperaturan (1)—
- (a) royalti atau pendapatan lain diperoleh daripada hak harta intelek jika royalti atau pendapatan lain itu boleh diterima sebagai balasan eksploitasi komersial hak itu;
- (b) “hak harta intelek” ertinya suatu hak yang timbul daripada apa-apa paten, penemuan dan inovasi utiliti, hak cipta, cap dagangan dan cap perkhidmatan, reka bentuk industri, reka bentuk susun atur litar bersepadu, kepandaian dan proses atau formula rahsia, petunjuk geografi dan pemberian geran perlindungan varieti tumbuhan, atau hak-hak lain yang serupa, sama ada yang berdaftar atau boleh daftar;
- (c) “hak harta intelek sedia ada” ertinya suatu hak harta intelek yang berhubungan dengan perniagaan perintis bagi syarikat berstatus MSC, yang syarikat berstatus MSC itu menjadi pemilik atau pemegang lesen hak itu sebelum 1 Julai 2018, dan bukan hak harta intelek yang baharu;
- (d) “harta intelek yang baharu” ertinya suatu hak harta intelek yang berhubungan dengan perniagaan perintis bagi suatu syarikat berstatus MSC—
- (i) yang syarikat berstatus MSC itu menjadi pemilik atau pemegang lesen hak itu pada atau selepas 1 Julai 2018; atau

- (ii) yang syarikat berstatus MSC itu menjadi pemilik atau pemegang lesen hak itu selepas 16 Oktober 2017 tetapi sebelum 1 Julai 2018 hasil daripada suatu pemerolehan oleh syarikat berstatus MSC itu, secara langsung atau tidak langsung, daripada suatu syarikat berkaitan.

Pendapatan bukan harta intelek yang tidak diambil kira

4. (1) Dalam menentukan pendapatan suatu syarikat berstatus MSC bagi maksud pelepasan cukai pendapatan—

(a) bagi suatu syarikat berstatus MSC yang diberikan taraf perintis pada atau sebelum 16 Oktober 2017—

(i) pendapatan bukan harta intelek yang diperoleh selepas 30 Jun 2021 tidak diambil kira; dan

(ii) pendapatan bukan harta intelek yang diperoleh selepas 31 Disember 2018 daripada mana-mana aktiviti digalakkan yang diluluskan selepas 16 Oktober 2017 sebagai perniagaan perintis bagi syarikat berstatus MSC itu tidak diambil kira; dan

(b) bagi suatu syarikat berstatus MSC yang diberikan taraf perintis selepas 16 Oktober 2017, pendapatan bukan harta intelek yang diperoleh selepas 31 Disember 2018 tidak diambil kira.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), “pendapatan bukan harta intelek” ertinya pendapatan yang diperoleh daripada perniagaan perintis bagi suatu syarikat berstatus MSC yang bukan pendapatan yang diperoleh daripada hak harta intelek sebagaimana yang ditafsirkan dalam perenggan 3(2)(b).

Dibuat 20 Disember 2018
[MITI(S).700-3/1/16 JLD. 2 (6); PN(PU2)451/VII]

IGNATIUS DARELL LEIKING
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

PROMOTION OF INVESTMENTS ACT 1986

PROMOTION OF INVESTMENTS (EXCLUSION OF INCOME FOR MSC STATUS COMPANY)
REGULATIONS 2018

IN exercise of the powers conferred by paragraph 43(a) of the Promotion of Investments Act 1986 [Act 327], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Promotion of Investments (Exclusion of Income for MSC Status Company) Regulations 2018**.

(2) Paragraph 3(1)(a) is deemed to have come into operation on 1 July 2018.

Application

2. (1) These Regulations shall apply to an MSC status company which has been granted pioneer status under the Act on or before 30 June 2018.

(2) For the purposes of these Regulations, an “MSC status company” means a company which has been awarded with, subject to the conditions of the award, Multimedia Super Corridor status by the Government of Malaysia.

Exclusion of intellectual property income

3. (1) In ascertaining the income of an MSC status company for the purpose of tax relief—

(a) for the period on or after 1 July 2018 but before 1 July 2021, royalty and other income derived from a new intellectual property right, but not from an existing intellectual property right, of which the MSC status company is the owner or licensee, shall be disregarded; and

(b) for the period on or after 1 July 2021, royalty and other income derived from all intellectual property rights of which the MSC status company is the owner or licensee shall be disregarded.

- (2) For the purpose of subregulation (1) —
- (a) royalty or other income is derived from an intellectual property right if it is receivable as consideration for the commercial exploitation of that right;
 - (b) “intellectual property right”, means a right arising from any patent, utility innovation and discovery, copyright, trade mark and service mark, industrial design, layout-design of integrated circuit, secret processes or formulae and know-how, geographical indication and the grant of protection of a plant variety or other like rights, whether or not registered or registrable;
 - (c) “existing intellectual property right” means an intellectual property right in relation to the pioneer business of an MSC status company, of which the MSC status company became the owner or licensee before 1 July 2018, and is not a new intellectual property right;
 - (d) “new intellectual property right” means an intellectual property right in relation to the pioneer business of an MSC status company—
 - (i) of which the MSC status company became the owner or licensee on or after 1 July 2018; or
 - (ii) of which the MSC status company became the owner or licensee after 16 October 2017 but before 1 July 2018 as a result of an acquisition by that MSC status company, directly or indirectly, from a related company.

Exclusion of non-intellectual property income

4. (1) In ascertaining the income of an MSC status company for the purpose of tax relief—

(a) for an MSC status company which has been granted pioneer status on or before 16 October 2017—

(i) non-intellectual property income derived after 30 June 2021 shall be disregarded; and

(ii) non-intellectual property income derived after 31 December 2018 from any promoted activity approved after 16 October 2017 as the pioneer business of the MSC status company shall be disregarded; and

(b) for an MSC status company which has been granted pioneer status after 16 October 2017, non-intellectual property income derived after 31 December 2018 shall be disregarded.

(2) For the purpose of subregulation (1), “non-intellectual property income” means income derived from the pioneer business of the MSC status company which is not an income derived from the intellectual property rights as defined in paragraph 3(2)(b).

Made 20 December 2018
[MITI(S).700-3/1/16 JLD. 2 (6); PN(PU2)451/VII]

IGNATIUS DARELL LEIKING
Minister of International Trade and Industry